

D750

U B221 AAB  
MAHATHIR - KOMANWEL

I

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA) -- KOMANWEL KINI TELAH MENDAPAT PENGIKHTIRAFAN SEBAGAI SALAH SEBUAH BADAN ANTARABANGSA YANG BERJAYA DENGAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIBUATNYA TURUT MEMPUNYAI KEPENTINGAN DI LUAR LINGKUNGANNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, PERUBAHAN KEADAAN DAN SIKAP DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA TELAH MENUKARKAN KOMANWEL MENJADI SEBUAH PERTUBUHAN YANG BOLEH DIHARAP DAN DINAMIK.

+KOMANWEL HARI INI TELAH MELENYAPKAN BANYAK SIFAT-SIFAT YANG NEGATIF YANG ADA SEBELUM INI, DAN KINI MENGADAKAN BANYAK RANCANGAN BERTINDAKNYA YANG MENCERMINKAN HASRAT NEGARA-NEGARA ANGGOTA TERUTAMA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN,+ KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN TENGAH HARI PERSATUAN DIRAJA KOMANWEL CAWANGAN MALAYSIA SEMPENA HARI KOMANWEL DI SINI HARI INI.

+KITA KINI SUDAH MULA BERKONGSI BANYAK PERKARA YANG KITA MILIKI BERSAMA DAN TIDAK BEREPA LAMA LAGI KITA DIJANGKA BOLEH MENIKMATI BERSAMA +KEKAYAAN BERSAMA+ YANG ADA PADA KOMANWEL,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN PADA MASA LAMPAU KOMANWEL BERUSAHA MENGADAKAN PELBAGAI RANCANGAN KERJASAMA BAGI FAEDAH ANGGOTANYA, SEPERTI RANCANGAN COLOMBO DAN TABUNG KERJASAMA TEKNIKAL KOMANWEL, TETAPI PANDANGAN-PANDANGANNYA SENTIASANYA BERCONGGAH DAN TIDAK BERKESAN APABILA MENGHADAPI ISU-ISU EKONOMI DAN POLITIK ANTARABANGSA YANG BESAR. -- LAGI.

1557MST 12 03 90

D773

R B224 DEB  
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

+YANG LEBIH MENDUKACITAKAN IALAH SIKAP ACUH TAK ACUH NEGARA-NEGARA ANGGOTA KANAN DALAM KOMANWEL KEPADA RAYUAN DAN LAUNGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG KURANG BERNASIB BAIK TERHADAP MASALAH YANG MEREKA HADAPI. NASIB BAIKLAH KEADAAN INI TIDAK LAGI BERTERUSAN,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KOMANWEL DAN AKAN BEKERJASAMA RAPAT DENGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA UNTUK KEBAIKAN BERSAMA.

WALAUPUN HANYA SEBUAH NEGARA KECIL, MALAYSIA SEDIA BERKONGSI PENGALAMAN DAN KEPAKARANNYA DENGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL DI SAMPING NEGARA-NEGARA DI LUAR PERTUBUHAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DITERIMA MENJADI ANGGOTA SEUMUR HIDUP PERSATUAN DIRAJA KOMANWEL OLEH PENERUSI CAWANGAN MALAYSIA, TAN SRI V. M. HUTSON.

PERSATUAN ITU, YANG BERIBU PEJABAT DI LONDON, MEMPUNYAI 40 CAWANGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL. -- BERNAMA.

1646MST 12 03 90